KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 21 OGOS 2015 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Mula niaga dengan RM6,000	Utusan Malaysia
2.	MOSTI tawar geran penyelidikan RM20j	Utusan Malaysia
3.	Serangan siber senjata baharu ancam keselamatan negara	Berita Harian
4.	Ruang siber negara lindungi maklumat	Berita Harian
5.	'DVI team finishes tasks despite challenges'	New Straits Times

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 7
TARIKH : 21 OGOS 2015 (JUMAAT)

MENTERI Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Madius Tangau (tiga dari kiri) menyampaikan Anugerah Keusahawanan-Bio Terbaik kepada Syed Osman Syed Rashtan (tiga dari kanan) pada Majlis Malam Penghargaan Bio 2015 di Kuala Lumpur, baru-baru ini. Hadir sama Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Abu Bakar Mohamad Diah (dua dari kiri) dan Ketua Setiausaha kementerian itu, Datuk Seri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur (dua dari kanan).

Mula niaga dengan RM6,000

KUALA LUMPUR 20 Ogos - Kegigihan dan kesungguhan merupakan kunci utama kejayaan bekas pelakon terkenal tanah air, Datuk Syed Osman Syed Rashtan atau lebih dikenali dengan Sidi Oraza terpilih sebagai penerima Anugerah Keusahawanan-Bio Terbaik pada Majlis Malam Penghargaan Bio 2015 kelmarin.

Menurut Syed Osman yang juga Presiden Syarikat Diversatech (M) Sdn. Bhd, beliau amat bersyukur kerana terpilih sebagai penerima anugerah berprestij itu yang dianggapnya ibarat menerima anugerah pelakon terbaik tahun ini.

"Saya tidak menyangka dan terkejut apabila dimaklumkan mengenai perkara tersebut, namun semua ini adalah ketentuan Allah SWT dan apa yang paling penting kita kena berusaha bersungguh-sungguh jika mahu berjaya.

"Sama juga dalam bidang lakonan dahulu, saya menang tujuh anugerah sebab saya lakukannya dengan bersungguh-sunguh dan ikhlas. Pokok pangkalnya tidak kira dalam apa jua lapangan yang kita ceburi, kita harus bekerja keras kerana kejayaan tidak akan datang dengan mudah," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Mengulas lanjut berhubung cabaran ketika menceburkan diri dalam dunia perniagaan, Syed Osman memberitahu, beliau memulakan perniagaan itu hanya berbekalkan modal sebanyak RM6,000 yang dipinjam daripada arwah ibunya pada 1997.

"Selepas berhenti berlakon, saya hilang segalanya termasuk kereta dan rumah, ketika itu saya kalau ingin ke mana-mana saya menggunakan Transit Aliran Ringan (LRT),

"Malah ketika itu dengan wang yang sedikit, saya hanya mempunyai dua pilihan iaitu sama ada untuk menaiki LRT atau makan, saya fikir lebih baik guna untuk makan maka saya terpaksa berjalan kaki.

"Kemudian bersama abang saya, Prof. Dr. Syed Omar kami memulakan perusahaan menghasilkan baja. Oleh kerana kesungguhan untuk memajukan diri saya juga sanggup pergi ke China untuk mempelajari selok-belok menjalankan perniagaan," ujarnya yang menamakan produk bajanya 'Ajib' bermaksud ajaib dalam bahasa Arab.

Menceritakan kejayaannya, bekas pelakon dan pengarah berusia 50 tahun itu menjelaskan, jualan produknya amat perlahan pada peringkat awal perniagaan iaitu 1998 tetapi kini sudah menghasilkan baja berasaskan teknologi bio sintetik 'Ajib 99' yang berfungsi untuk mengawal penyakit Ganoderma khusus untuk tanaman sawit.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES): MUKA SURAT 19
TARIKH : 21 OGOS 2015 (JUMAAT)

ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (lima dari kiri), Zainal Abidin Mohd.Yusof (lima dari kanan) dan Marina Ploutakhina (empat dari kanan) bergambar bersama peserta yang menyertai program inisiatif pengurangan penghasilan karbon dioksida di Shah Alam, semalam. - UTUSAN/ABDUL RAZAK IDRIS

MOSTI tawar geran penyelidikan RM20j

SHAH ALAM 20 Ogos- Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan menyediakan geran penyelidikan sebanyak RM20 juta bagi membangunkan teknologi yang mampu mengurangkan penghasilan karbon dioksida berpunca daripada manusia kepada alam sekitar.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, geran tersebut merupakan sebahagian daripada RM270 juta yang diterima oleh pihaknya pada setiap tahun bagi tujuan penyelidikan dalam bidang tertentu.

"Bagi menyokong inisiatif projek strategik untuk mengurangkan penghasilan karbon dioksida yang berpunca daripada aktiviti manusia yang memberi kesan kepada alam sekitar, kita akan memperuntukkan dana khusus kepada mana-mana pihak yang berminat.

"Pada masa ini, tiada geran penyelidikan khusus untuk tujuan tersebut namun pada tahun depan sebanyak RM20 juta daripada RM270 juta tabung kajian yang kita terima akan diperuntukkan untuk tujuan tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan projek Gas Rumah Hijau (GHG) Pengurangan Pelepasan Dalam Sasaran Perindustrian Sub-Sektor Melalui Kecekapan Tenaga dan Penggunaan Sistem Tenaga Solar di Malaysia di SIRIM Berhad (SIRIM) di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Unit Kecekapan Tenaga Perindustrian, Marina Ploutakhina serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif SIRIM, Datuk Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusof.

Mengulas mengenai projek tersebut, Zainal Abidin memberitahu, SIRIM sebagai pusat kecemerlangan industri bersedia untuk menjadi peneraju kepada usaha memajukan teknologi terma suria yang lebih ekonomik menjadi sektor perindustrian Malaysia.

"Kami berharap kerajaan dan juga rakan kongsi projek tempatan serta antarabangsa akan menyokong kami dengan bantuan yang diperlukan seperti geran penyelidikan, pemindahan teknologi dan pembinaan kapasiti untuk menggerakkan inisiatif baharu ini ke tahap lebih tinggi," ujarnya.

"Bagi menyokong inisiatif projek strategik untuk mengurangkan penghasilan karbon dioksida yang berpunca daripada aktiviti manusia yang memberi kesan kepada alam sekitar, kita akan memperuntukkan dana khusus kepada mana-mana pihak yang berminat."

DR. ABU BAKAR MOHAMAD DIAH
Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (RENCANA): MUKA SURAT 34
TARIKH : 21 OGOS 2015 (JUMAAT)

Serangan siber senjata baharu ancam keselamatan negara

Kerja buru penggodam miliki rangkaian luas bukan mudah

Kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta revolusi jaringan internet dicipta pakar komputer dan pembangun perisian hari ini membolehkan manusia berkomunikasi tanpa sempadan. Hakikat yang perlu diakui hari ini ialah semua jenis komputer dan gajet yang berlambak serta berselerak di muka bumi hari ini dapat membantu menghubungkan sesiapa sahaja walau di mana mereka berada.

Manusia hari ini berkomunikasi dalam cara dan kaedah yang amat luar biasa kerana berhubung secara maya atau menerusi alam siber.

Namun, kecanggihan dan kepesatan ICT bukan sahaja mendatangkan kesan positif kepada kehidupan manusia, bahkan turut membawa kepada impak negatif yang boleh membahayakan kehidupan jika tidak diawasi dan ditangani sebaiknya.

Kecanggihan ICT juga memberi maksud manusia perlu bersedia dengan pelbagai ancaman yang mampu merosakkan kehidupan menerusi serangan siber terhadap sistem serta rangkaian komputer. Serangan siber adalah ancaman baru yang mendapat perhatian khusus banyak negara dan kerajaan hari ini. Ia boleh hadir dalam pelbagai bentuk dan cara serta paling membimbangkan, ia menyerang secara senyap.

Serangan siber ceroboh sistem maklumat

Serangan siber boleh berlaku dalam bentuk penghantaran bom e-mel, spam, gangguan, ancaman penggodam, serangan virus, penafian perkhidmatan dan pencerobohan yang akan mengakibatkan kerugian besar serta menyebabkan kehilangan maklumat sulit syarikat mahupun kerajaan.

Ia menjadi senjata baharu yang sangat efektif untuk menceroboh mana-mana sistem maklumat atau data sulit kerajaan, negara, jabatan atau syarikat.

Selain murah, cepat dan mudah digunakan, serangan siber boleh dilakukan hanya dengan menggunakan telefon pintar atau komputer untuk menyerang satu atau lebih banyak sasaran dengan menekan satu butang sahaja.

Serangan siber adalah satu isu keselamatan yang bukan sahaja dihadapi pengguna komputer, bahkan menjadi mimpi ngeri sesebuah kerajaan memandangkan hampir semua komputer yang ada hari ini mempunyai sambungan kepada rangkaian internet.

Internet ibarat lebuh raya yang dapat menghubungkan berjuta-juta komputer di seluruh dunia dan ia juga bersifat terbuka, sekali gus menimbulkan isu keselamatan kepada pengguna dan mana-mana negara hari ini.

Bermakna, serangan siber adalah ancaman baharu terhadap keselamatan negara. Sebelum ini, keselamatan negara tertumpu kepada keselamatan tradisi iaitu pertahanan fizikal di darat, laut dan udara serta keselamatan dalaman yang kebanyakan membabitkan orientasi keselamatan secara fizikal.

Rugi berbilion ringgit

Jenayah siber menyebabkan Malaysia kerugian berbilion ringgit. Menurut laporan Ancaman Keselamatan Sophos 2014, sebuah agensi bebas menyelidik tahap bahaya serangan siber, Malaysia berada pada tangga keenam mudah diserang penjenayah siber. Malaysia disenaraikan bersama-sama beberapa negara, termasuk Hong Kong, Taiwan, Thailand, China, India dan Indonesia.

Serangan siber ini termasuk penyalahgunaan internet untuk pelbagai aktiviti haram rentas sempadan seperti dadah, penyeludupan manusia, penipuan kewangan dan penggubahan wang haram. Dalam peristiwa terbaru, Malaysia dikejutkan ancaman dibuat kumpulan penggodam komputer menggelarkan diri mereka sebagai Anonymous yang merancang melakukan serangan siber ke atas laman web kerajaan pada 29 dan 30 Ogos ini.

Justeru, CyberSecurity Malaysia meminta semua agensi kerajaan mengambil langkah pencegahan bagi berdepan kemungkinan serangan siber didalangi kumpulan Anonymous termasuk pengukuhan sistem pertahanan siber bagi melindungi rangkaian komputer mereka.

Agensi kerajaan turut diminta memperkukuhkan firewall iaitu sistem pencegahan pencerobohan (IPS), selain rangkaian dan sistem pengesanan pencerobohan berasaskan hos (IDS) yang berupaya mencegah serta menangani kebanyakan serangan generik.

> *"Serangan siber boleh berlaku dalam bentuk penghantaran bom e-mel, spam, gangguan, ancaman penggodam, serangan virus, penafian perkhidmatan dan pencerobohan yang akan* ***mengakibatkan kerugian besar serta menyebabkan kehilangan maklumat sulit*** *syarikat mahupun kerajaan"*

Aktiviti komuniti maya

Menurut pakar forensik ICT, Dr Mohd Taufik Abdullah, serangan Anonymous adalah kumpulan aktiviti komuniti maya dan penggodam yang tidak berpusat dengan matlamat melakukan aktiviti menggodam berasaskan internet terhadap kerajaan tertentu dan organisasinya serta tapak web korporat.

Ahli kumpulan ini bertaburan di seluruh dunia dan sepakat melancarkan serangan kepada sasarannya. Anonymous memulakan serangan pada tahun 2003. Kumpulan ini melancarkan serangan dengan menggunakan sistem seperti DoS (*Denial of Service*), dan DDoS (*Distributed Denial of Service*). Serangan itu akan menafikan capaian kepada sumber yang biasanya adalah pelayan web dengan penggunanya.

Komputer yang dikawal dari jauh

Cybersecurity Malaysia adalah agensi yang bertanggungjawab memastikan ***negara selamat daripada ancaman siber.*** [GAMBAR HIASAN]

SAMBUNGAN....
BERITA HARIAN (RENCANA): MUKA SURAT 35
TARIKH : 21 OGOS 2015 (JUMAAT)

Kegiatan serangan siber yang dilakukan oleh penggodam mampu ***menjejaskan keselamatan dan melumpuhkan ekonomi negara.*** [GAMBAR HIASAN]

oleh penggodam berperanan sebagai pelantar serangan DDoS terhadap sasarannya. Daemon (virus) DDoS akan dipasang pada komputer sesiapa sahaja tanpa pengetahuan pengguna sebenar dan daemon ini akan menunggu arahan daripada penggodam untuk tindakan seterusnya.

Penggodam boleh menghantar arahan kepada komputer ini pada bila-bila masa dari lokasi berasingan untuk melancarkan serangan bagi pihaknya. Komputer zombi atau pihak ketiga biasanya menyerang dengan cara membanjiri komputer sasaran dengan limpahan data tidak berguna tanpa henti.

Komputer sasaran akan melihat serangan itu berpunca daripada komputer zombi dan bukannya daripada komputer penggodam.

"Terdapat banyak alatan boleh digunakan untuk melancarkan serangan DoS dan DDoS. Serangan itu hanya boleh dihentikan apabila pengguna sebenar menemui dan membatalkan daemon DDoS pada komputernya. Inilah yang dilakukan Anonymous," katanya.

Kegiatan sukar dikesan

Sementara itu, Ketua Pegawai Teknologi Cybersecurity Malaysia, Dr Solahuddin Shamsuddin, berkata kegiatan penggodam komputer ini termasuk kumpulan Anonymous sukar dikesan di mana mereka beroperasi kerana kumpulan ini amat licik menghapuskan jejak selain mendapat bantuan Anonymous negara asing. Penggodam katanya melakukan kerja mereka bukan daripada komputer mereka, tetapi menggunakan pelbagai cara termasuk perkhidmatan proxy dari negara luar.

24 NASIONAL BH

Penubuhan unit tentera siber disokong

Response Team lemah siasat aduan

Keratan akhbar BH *mengenai ancaman siber pada 5 Mei lalu.*

Sebagai contoh, jika seseorang penggodam atau Anonymous ini hendak serang komputer di Malaysia, penggodam itu boleh masuk menerusi jaringan komputer di China kemudian ke Korea Utara dan mewujudkan jaring bot (botnet) sebelum serangan itu masuk ke Malaysia.

"Belum sempat kita periksa dan buru perkhidmatan proxy mana yang digunakan, mereka sudah padam semua jejak di perkhidmatan proxy yang lain. Ini menyukarkan agensi siasatan siber memburu penggodam," katanya.

Beliau mengakui, kerja memburu penggodam bukan mudah ini dan akan menjadi lebih sulit seandainya sesebuah negara atau kerajaan tidak memiliki perjanjian atau kerjasama menangani ancaman siber dengan negara lain.

Atas faktor kelemahan itu, penjenayah siber memiliki kebebasan untuk melakukan aktiviti mereka seperti menyebarkan virus, menggodam dan mencuri data untuk tujuan risikan perniagaan atau kerajaan.

Bagi menangani masalah serangan penggodam ini, Solahuddin menasihatkan mana-mana pengguna atau agensi, jabatan dan syarikat membuat laporan kepada Cybersecurity Malaysia di talian siber999 jika mengesan tanda ancaman siber.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (RENCANA): MUKA SURAT 35
TARIKH : 21 OGOS 2015 (JUMAAT)

Ruang siber negara lindungi maklumat

Cybersecurity Malaysia percaya kumpulan Anonymous yang merancang menyerang laman web kerajaan pada 29 dan 30 Ogos ini menimbulkan ancaman kerana tidak berpuas hati dengan situasi politik semasa Malaysia pada hari ini. Penjenayah siber ini juga bertindak bukan hanya bermotif keuntungan sebaliknya berjuang untuk sesuatu agenda seperti menuntut kebebasan bersuara dan menuntut perubahan dilakukan dalam urusan politik.

Menurut Ketua Pegawai Teknologi Cybersecurity Malaysia, Dr Solahuddin Shamsuddin, kumpulan terbabit mewujudkan ancaman yang menjurus ke arah untuk mendapat publisiti kerana memaparkan logo kumpulan mereka.

Namun begitu katanya, Cybersecurity Malaysia tetap memandang serius ancaman ini kerana ia mampu memberi imej tidak baik kepada kerajaan. Ancaman itu boleh menjejaskan ekonomi negara jika pelabur tidak yakin dengan kemampuan Malaysia menangani jenayah siber.

"Pelabur boleh menjadi bimbang dan berpendapat ruang siber Malaysia tidak cukup selamat untuk melindungi rahsia serta maklumat syarikat," katanya.

Dalam sudut lebih luas, Malaysia katanya bukan sahaja berdepan dengan serangan siber daripada kumpulan Anonymous, bahkan ada banyak serangan siber dilakukan penggodam dengan menjadikan Malaysia sebagai sasaran. Antara tujuan serangan itu dilakukan adalah untuk mencuri data atau maklumat mengenai strategi pertahanan siber negara bagi menembusi pertahanan siber, sekali gus memudahkan mereka 'menyelongkar' data sulit negara.

Ada juga penggodam menceroboh laman web kerajaan kerana hendak mendapatkan maklumat mengenai data perbelanjaan kewangan negara.

"Kegiatan ini dipanggil perisikan perniagaan. Penggodam merisik maklumat sulit kerajaan dengan harapan akan memperoleh maklumat yang membolehkan mereka memiliki kelebihan.

"Mereka boleh tahu sektor atau bidang mana yang akan menjadi keutamaan kerajaan dan dengan maklumat itu, mereka boleh membuat kertas kerja untuk melobi projek kerajaan," katanya.

Beliau turut menekankan yang rakyat bertanggungjawab mempertahankan ruang siber di negara ini daripada ancaman siber. Pencerobohan sistem rangkaian internet mampu dielakkan jika setiap pengguna komputer tahu mengenai pengurusan komputer peribadi yang baik, kata beliau.

Sementara itu, Pakar MyCERT, Megat Muazzan Abdul Mutalib berkata, serangan siber hari ini bukan sahaja boleh menggodam komputer semata-mata, sebaliknya ia juga boleh berlaku terhadap pengguna gajet khasnya telefon pintar yang menggunakan sistem operasi (OS) Android.

Hari ini, lebih 90 peratus pengguna telefon bimbit di dunia memilih untuk menggunakan telefon pintar yang memiliki OS Android kerana lebih mudah dan mesra pengguna.

Justeru, setiap pemilik telefon pintar yang menggunakan OS Android dinasihatkan berhati-hati dengan ancaman siber, khasnya penyebaran virus menerusi aplikasi tertentu termasuk yang terbaru melalui khidmat pesanan multimedia (MMS).

Menurut Megat Muazzan, telefon yang menggunakan OS Android amat terdedah kepada ancaman siber kerana ia sistem mudah membolehkan pengguna memuat turun dan menggunakan aplikasi yang ditawarkan kepada pengguna.

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS): MUKA SURAT 8
TARIKH : 21 OGOS 2015 (JUMAAT)

'DVI team finishes tasks despite challenges'

PUTRAJAYA: The Disaster Victims Identification (DVI) team has completed 99 per cent of the forensic investigation at the crash site of downed Malaysia Airlines Flight MH17 in Donetsk, Ukraine.

Police principal assistant director (DNA Databank and DVI Commander) Assistant Commissioner Hussein Omar Khan said the team had completed the mission to the best of their ability, given the time constraint due to the area being in a conflict zone.

He said the unit had a police team (to recover physical evidence and human remains), a pathologist and an odontologist (for post-mortem and identification process), fingerprint and DNA specialists from the Chemistry Department, an army specialist and a religious department representative.

"The goal was to return as many victims or human remains and personal belongings back to Malaysia as soon as possible," he said after the International Conference on Environmental Forensics 2015 (iEnforce 2015) organised by Universiti Putra Malaysia's Environment Faculty here yesterday.

The second iEnforce conference was held from Aug 19 to 20 to discuss the importance of environmental forensic identification and source of contamination.

At the conference, Hussein presented a talk entitled "Mass Fatality Investigation on MH17", where he shared his experience of being part of the DVI team.

He said in the final stages of the investigation, they found 296 victims, but there were two unidentified victims.

"We tried to dig deeper at the site, working on the probability that the victims were buried due to the crash impact.

"Despite digging two feet beneath the surface, we could not find any more remains.

"After nine months, we recovered 3,700 human bones and wreckage fragments," he said, adding that the crash site had since been replanted with grass and a sign erected to commemorate the tragedy.

He said apart from the cold weather and language barrier, the main challenge was the crash site being in a conflict zone.

He said despite a ceasefire, protective gear and armoured vehicles, there was an air of danger as they could hear artillery and gunshots, which led to the Australian team pulling out in April, leaving the Malaysian and Dutch teams continuing the investigation.

MH17 was en route from Amsterdam to Kuala Lumpur when it went down over Ukraine on July 17 last year, killing 298 passengers and crew, 43 of them Malaysians.